

09/11/2003

Harapan orang filem kepada Pak Lah

Yusof Haslam

PERALIHAN kuasa di peringkat paling tinggi dalam pemerintahan negara telah berlangsung secara teratur, rapi dan gilang gemilang pada 31 Oktober lalu.

Tun Dr Mahathir Mohamad menyerahkan kuasa Perdana Menteri Malaysia kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam suasana yang sungguh harmoni. Ini meyakinkan rakyat bahawa negara akan terus bergerak ke depan dengan kemajuan dan pembangunan yang sudah sedia ada.

Fokus sekarang ialah kepada jawatan nombor dua dalam pucuk pimpinan negara sesudah Abdullah Badawi atau panggilan mesranya Pak Lah mengosongkan kerusi Timbalan Perdana Menteri. Ketika rencana ini ditulis jawatan TPM masih belum diisi kerana Perdana Menteri kelima kita itu masih belum membuat sebarang pengumuman. Namun saya percaya soal siapa yang dipilih bukanlah satu isu besar kerana ia menjadi hak Perdana Menteri sejak kita mencapai kemerdekaan pada 1957 lagi.

Saya percaya senario politik negara tidak mungkin berubah (walau siapa pun TPM) kerana kita dididik dengan sikap toleransi, hormat menghormati yang telah menjadi satu budaya dan tradisi dalam parti pemerintah.

Sebagai anak seni yang mewakili orang filem saya yakin Pak Lah akan terus membawa negara kita ke mercu kejayaan demi negara, agama dan bangsa. Sebagai pemimpin berpengalaman Pak Lah tentunya mempunyai banyak rancangan dan idea dalam mengatur pelbagai projek pembangunan.

Dalam konteks dunia filem tanah air pula kami orang filem amat berharap Pak Lah akan terus memberikan perhatian. Selama ini kerajaan banyak membantu hingga wujudnya Perbadanan Kemajuan Filem Malaysia (Finas).

Kita amat berbangga kerana kewujudan Finas pada 1981 juga adalah dari idea dan usaha yang dibuat Tun Dr Mahathir. Sesungguhnya jasa beliau akan dikenang oleh orang filem kerana melalui Finas industri filem tempatan dapat terus bernafas melalui pelbagai bantuan dan insentif yang diberi. Jangan ada sesiapa yang menafikan peranan besar Finas.

Ramai penerbit filem tanah air termasuk saya sendiri telah mendapat manfaat darinya. Malahan melalui Finas juga telah lahir generasi yang membawa dimensi baru dalam arus perfileman negara.

Dasar Finas di peringkat awalnya juga harus dipuji di mana kepentingan pengusaha filem (khususnya Bumiputera) sentiasa diberi perhatian. Apa yang diharapkan kini ialah usaha yang berterusan dan lebih berkesan.

Berbalik kepada Perdana Menteri kita yang baru, setahu saya beliau juga amat prihatin dengan dunia filem dan hiburan. Seseekali apabila saya bertemu Pak Lah dalam majlis tertentu beliau tidak lupa menyuarakan dorongan kepada saya.

Saya masih ingat dalam satu majlis beliau memberikan dorongan kuat kepada saya untuk meneruskan usaha melahirkan siri kepolisan seperti Gerak Khas yang kini ditayangkan di RTM2. Saya amat terharu apabila sokongan dan dorongan itu datangnya dari seorang pemimpin negara yang begitu prihatin dengan perkembangan seni tanah air.

Pak Lah di tengah-tengah kesibukan tugas ketika memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri sempat mencuri masa untuk melancarkan buku P Ramlee - The Bright Star yang ditulis Tan Sri Ahmad Sarji bersama seorang profesor Inggeris, James Harding pada 21 Ogos 2002. Pak Lah memuji usaha menulis buku mengenai Allahyarham Tan Sri P Ramlee dalam bahasa Inggeris untuk diketengahkan ke pasaran antarabangsa.

Malah saya masih ingat Pak Lah mencadangkan supaya ditubuhkan sebuah institut P Ramlee untuk memudahkan kajian mengenai kerja seni tokoh filem

besar kita itu. Saranan itu nampaknya belum disambut oleh mana-mana pihak untuk direalisasikan tetapi saya yakin ia akan menjadi kenyataan.

Keperihatinan Pak Lah kepada orang filem seperti Allahyarham Tan Sri P Ramlee adalah manifestasinya yang tidak melupakan perjuangan orang filem. Sekarang Pak Lah sudah duduk di kerusi Perdana Menteri dan diharapkan kuasa yang ada padanya itu boleh disalurkan sedikit kepada pembangunan industri perfileman di negara kita.

Dalam ruangan ini saya dan rakan-rakan seperjuangan yang lain dari dunia filem mengucapkan syabas di atas perlantikan Pak Lah sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kelima.

Semoga negara kita Malaysia akan terus bergerak ke hadapan di bawah kepimpinan Pak Lah. Marilah kita bersatu dan mendoakan kesejahteraan Pak Lah supaya beliau dapat melaksanakan tugasnya dengan berkesan demi masa depan rakyat dan negara.